

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK AARON AGO ANAK DAGANG
[KANOWIT]
TARIKH : 19 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 26

Y.B. DATUK AARON AGO ANAK DAGANG [KANOWIT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kesan sebenar SST dari sudut penurunan harga barang keseluruhannya, kesan ke atas kos sara hidup dan jumlah kutipan cukai SST untuk Tahun 2018 dan terkini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, skop pengenaan cukai jualan dan cukai perkhidmatan di bawah sistem SST yang baharu adalah lebih kecil berbanding di bawah sistem GST di mana pelbagai jenis barang dan keperluan asas pengguna seperti barang makanan asas tidak dikenakan cukai jualan manakala cukai perkhidmatan hanya dikenakan ke atas beberapa jenis perkhidmatan tertentu sahaja. Antara barang yang dikecualikan dari cukai jualan termasuklah makanan asasi seperti beras, gula, ikan segar, ayam segar, sayur-sayuran dan buah-buahan. Kerajaan juga telah menetapkan sebahagian besar barangan kegunaan industri seperti besi, kayu dan bahan kimia dikecualikan dari dikenakan cukai jualan.

Sejak SST dilaksanakan pada 1 September 2018, Kementerian Kewangan dengan kerjasama JKDM telah meneliti segala maklum balas dan rayuan daripada pihak industri dan perniagaan serta rakyat awam dan membuat keputusan untuk mengecualikan beberapa barangan daripada dikenakan cukai SST serta menyemak semula kadar cukai jualan ke atas barangan tertentu. Ini bermakna, skop pengenaan cukai jualan adalah jauh lebih kecil berbanding GST dan pendekatan mengecilkan skop ini telah dapat membantu mengurangkan beban kos sara hidup rakyat. Jangkaan kutipan hasil SST adalah sekadar RM21 bilion setahun berbanding dengan hasil GST sebanyak RM44 bilion yang dijangka dikutip pada tahun 2018. Beban cukai SST ke atas pengguna adalah jauh lebih rendah kerana RM23 bilion telah dikembalikan kepada rakyat dalam bentuk cukai yang lebih kecil. Kekurangan bayaran cukai ini tentu bermakna bahawa rakyat akan mempunyai lebih banyak wang untuk dibelanjakan berbanding dengan dahulu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, inflasi tahun 2018 yang berpurata 1.0% tahun-ke-tahun merupakan kadar terendah yang dicatatkan dalam tempoh 9 tahun. Dalam 4 bulan yang pertama di bawah pentadbiran yang terdahulu, purata kadar inflasi ialah 1.7% tahun-ke-tahun. Ini berbeza dengan 8 bulan

NO SOALAN : 26

pertama pentadbiran Pakatan Harapan, apabila ia menurun secara signifikan kepada 0.6% tahun-ke-tahun. Kadar inflasi juga telah mencatatkan penurunan sebanyak 0.7% bagi bulan Januari 2019 berbanding dengan bulan yang sama tahun lepas. Ini menampilkan kesan positif pemansuhan GST dan pengenalan semula SST pada harga pengguna.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah melaksanakan Pemantauan Harga Khas SST melibatkan kutipan data harga 900 barangan keperluan pengguna terpilih bermula bulan September 2018. Analisa perubahan harga ini dibandingkan antara bulan Mei 2018 dan Disember 2018 bagi melihat kesan pelaksanaan cukai jualan dan cukai perkhidmatan terhadap kedudukan harga barangan di pasaran. Berdasarkan analisa tersebut, secara purata, 63.20% daripada 900 barangan telah mencatatkan penurunan harga.

Bagi memastikan harga barangan di pasaran adalah berpatutan, Kerajaan melalui KPDNHEP akan terus memantau pergerakan harga barangan keperluan pengguna di pasaran di samping menguatkuasakan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 dan melaksanakan langkah penguatkuasaan pencatutan ke atas perniagaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kutipan cukai SST untuk tahun 2018 adalah sebanyak RM5.4 bilion sejak tarikh pelaksanaannya pada 1 September 2018, yang melebihi sasaran RM4 bilion yang ditetapkan sebelum ini.